

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah penerbangan MASWings di Sabah bermula dari Kota Kinabalu ke Lahad Datu, kemudian dari Lahad Datu ke Sandakan, Sandakan ke Tawau dan dari Tawau balik ke Kota Kinabalu.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah menandatangani satu perjanjian baharu dengan syarikat penerbangan MASwings bagi meneruskan penyediaan operasi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) di Sabah dan Sarawak untuk tempoh 6 tahun iaitu bermula 2019 hingga 2024 yang merangkumi hasil rasionalisasi perkhidmatan ini selaras dengan kajian semula oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission – MAVCOM*) pada tahun 2017.

2. Berdasarkan perjanjian baharu tersebut, MASwings perlu menyediakan perkhidmatan bagi 40 laluan berbanding 49 laluan sebelum ini di Sabah dan Sarawak dengan menggunakan pesawat ATR-72 dan Twin Otter Viking. Penetapan destinasi dan laluan RAS tersebut adalah berdasarkan kriteria Obligasi Perkhidmatan Awam (*Public Service Obligations – PSO*) di bawah Seksyen 2, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771] yang mentakrifkan PSO sebagai pengadaaan suatu perkhidmatan bagi membawa melalui udara atau penggunaan mana-mana pesawat udara untuk membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah bagi suatu perjalanan berjadual di antara aerodrom yang tidak akan dibuat oleh syarikat penerbangan jika syarikat penerbangan itu hanya menimbangkan kepentingan komersialnya semata-mata.

NO. SOALAN : 5

3. Penyusunan jaringan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) pula adalah berdasarkan penggunaan pesawat dan jenis pesawat mengambilkira kos operasi RAS pada kadar yang paling optimum serta keperluan penduduk setempat yang menepati definisi Obligasi Perkhidmatan Awam (*Public Service Obligation – PSO*).

4. Dalam hubungan ini, MASwings menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Kota Kinabalu – Lahad Datu – Sandakan – Tawau pergi dan balik menggunakan pesawat ATR-72 di mana perkhidmatan penerbangan tersebut akan berpatah balik dari Tawau ke Kota Kinabalu melalui laluan yang sama dengan kekerapan penerbangan sebanyak dua kali sehari. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh penularan wabak COVID-19, perkhidmatan penerbangan bagi laluan ini telah dikurangkan kepada 3 kali seminggu (Isnin, Khamis dan Sabtu) bermula 1 Ogos 2020.

Sekian, terima kasih.